


→ SIHAT



Glaukoma menyebabkan penglihatan seseorang menjadi kecil sebelum buta sepenuhnya.

**Info**

# Penglihatan tinggal sebesar 20 sen

**Punca glaukoma:**  
→ Saraf optik rosak.

**Adakah keadaan ini boleh disembuhkan?**  
→ Tidak  
→ Boleh dikawal dengan ubat titis mata bagi mengurangkan tekanan.

**Risiko jika lewat atau tidak dirawat:**  
→ Buta

**Jenis glaukoma:**  
1. Glaukoma sudut terbuka:  
→ Berlaku secara sedikit demi sedikit.  
→ Sukar diselamatkan selepas berada pada tahap lewat (menjadi buta).

2. Glaukoma sudut tertutup:  
→ Hilang penglihatan secara tiba-tiba  
→ Kilauan cahaya seperti pelangi di sekeliling mata.  
→ Sakit mata yang teruk.  
→ Kerap sakit kepala.  
→ Loya dan muntah.

3. Glaukoma kongenital  
→ Mata kerap berair (epifora).  
→ Sensitif pada cahaya (photofobia).  
→ Kerap mengerut kelopak mata (blefarospasma).

**Pilihan rawatan:**  
→ Ubat topikal anti glaukoma.  
→ Laser  
→ Pembedahan (bagi kes sukar dikawal atau pengambilan ubat yang tidak teratur).  
→ Pemeriksaan berterusan sepanjang hayat.

**Kesan glaukoma:**  
→ Kebimbangan.  
→ Kemurungan.  
→ Tidak dapat berdikari.  
→ Kualiti hidup merosot.



Individu berusia 40 tahun ke atas perlu menjalani pemeriksaan tahunan bertujuan mengesan glaukoma lebih awal.

➔ Pesakit tidak sedar penglihatan semakin sempit sebelum buta

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**G**laukoma, sejenis penyakit mata progresif yang menyebabkan buta dan juga dikenali sebagai 'pencuri senyap penglihatan'.

Pesakit yang mengalaminya tidak menyedari penglihatan mereka semakin hari menjadi sempit dan akhirnya keupayaan melihat terhad kepada satu titik (sebesar syiling 20 sen) sebelum menjadi buta sepenuhnya.

Glaukoma dikenal pasti sebagai punca hilang deria penglihatan ketiga paling utama di negara ini dan penyebab buta kedua peringkat global.

Pakar Perunding Oftalmologi dan Ketua Jabatan Oftalmologi, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Jemima Che Hamzah, berkata individu berusia 40 tahun ke atas perlu menjalani pemeriksaan tahunan bertujuan mengesan glaukoma lebih awal.

Beliau berkata, terdapat dua jenis glaukoma iaitu glaukoma terbuka dan tertutup yang terbahagi